
Peluang KLHC melonjak

Oleh Hasnira Hassan dan Jumiati Rosly
bhsukan@bharian.com.my
2011/01/02

Anak buah Dhaarmaraj mampu rampas pendahulu LHM

GOL sudut penalti yang menjadi trend jaringan mudah kini dilihat sebagai penentu pemilik tiga mata penuh antara dua skuad pilihan Liga Hoki Malaysia (LHM), KLHC dan Yayasan Negeri Sembilan (YNS) menjelang aksi di Stadium Hoki Jalan Pantai, petang ini.

Tanpa aksi UniKL, pendahulu semasa liga dengan enam mata, peluang tampak cerah buat KLHC - kini menduduki tempat ketiga dengan tiga mata - untuk merapatkan jurang kedudukan di tangga kedua dan menggantikan TNB yang mengumpul empat mata dan dilihat tidak mustahil merampas kedudukan teratas sekiranya dapat mengeneipkan ATM Airod di Stadium Tun Razak, petang ini.

Lantas, bagi pengendali bekas juara enam kali LHM, Muhammad Dhaarmaraj Abdullah, gol mudah yang menjadi 'makanan utama' bekas juara berganda, YNS, perlu dielakkan ketika peluang yang sama diburu demi memastikan tiga mata penuh menjadi milik mereka.

"YNS punya kekuatan seimbang termasuk dengan adanya fliker, Muhammad Imran. UniKL semalam (kelmarin) bernasib baik ketika hanya Shakeel Abbasi beraksi tanpa tiga pemain Pakistan lain sebenarnya mengubah corak permainan," kata Muhammad Dhaarmaraj.

"Tetapi mereka akan turun selaku pasukan sempurna hari ini dan permainan mereka pasti berbeza."

Penilaian Muhammad Dhaarmaraj itu juga menepati keyakinan yang disuarakan ketua jurulatih YNS, Harnizam Ah-Sim bahawa kepulangan tiga bintang Pakistan sebelum perlawanan petang ini, mampu memberikan peluang kemenangan lebih besar.

Namun, katanya, kekebalan dipamerkan YNS sebenarnya menutup kelemahan kecil skuad bintang antarabangsa itu yang mampu dijadikan sasaran utama iaitu di bahagian gawang.

"Penjaga gol adalah kelemahan mereka. Andai kita dapat banyak pukulan sudut penalti, kita akan ada peluang. Pada masa sama, jurang perbezaan 10 pemain utama YNS dengan yang lain ketara.

"Maka, mereka sukar mendapatkan ganti. Kami harap, corak permainan pantas mampu membuatkan mereka keletihan."

Jadual hari ini (Di Stadium Tun Razak)

ATM Airod mln TNB; 4ptg
UiTM mln Maybank; 6ptg
Nur Insafi mln Sapura; 8mlm

(Semua di Stadium Hoki Tun Razak)

YNS mln KLHC; 5ptg
(Stadium KLHA)

Hak Cipta Terpelihara 2010 - Berita Harian Sdn. Bhd. [Emel](#) kami sebarang maklum balas. [Kembali ke atas](#)

Resolusi paparan terbaik untuk laman web ini adalah 1024x768.